



SYARAHAN TOKOH 2009

PENGERUSI LPU :Y. BHG. TAN SRI DATO' SERI DR HJ. ZAINUL ARIFF BIN HAJI HUSSAIN

Universiti Malaysia Perlis buat pertama kalinya telah menganjurkan Syarahan Umum Tokoh pada tahun 2009. Syarahan kali ini disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin Haji Hussain. Majlis diadakan pada 8hb April 2009 di Dewan Kapitol, UniMAP, Kangar. Syarahan Tokoh ini telah berjaya menarik kehadiran daripada pengurusan tertinggi universiti, staf pengurusan dan pentadbiran, staf akademik, pelajar - pelajar di peringkat ijazah pertama, dan pelajar pasca ijazah.



Tajuk syarahan beliau ialah 'Traditions of Excellence : Leading a High Performing Public Sector Organization'. Dalam syarahannya, Y. Bhg. Tan Sri banyak membicarakan tentang perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam bidang pentadbiran, pengurusan, stail dan gaya pengurusan yang sering berubah-ubah mengikut keperluan dan perkembangan semasa. Turut dibincangkan ialah perubahan teknologi termasuk teknologi komunikasi dan maklumat yang turut merubah gaya pengurusan dan kepimpinan di sesebuah organisasi.



Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, serta pernah memegang beberapa jawatan penting dalam beberapa agensi di peringkat Kerajaan Pusat, beliau turut membandingkan corak dan gaya pengurusan di era 1960-an, 1970-an, 1980-an, era 2000 dan terkini. Beliau juga turut menekankan betapa pentingnya sektor awam membuat anjakan paradigma serta menangani dengan bijak segala perubahan yang berlaku. Sektor awam juga diminta memberi perhatian kepada cabaran - cabaran baru yang akan dihadapi pada abad ke-21 seperti era globalisasi, perubahan teknologi, kewujudan masyarakat sivil, tadbir urus korporat dan kerajaan elektronik

Pada keseluruhannya, syarahan tokoh ini telah berjaya menyuntik semangat dan kesedaran kepada seluruh warga UniMAP tentang bagaimana sektor awam termasuk di universiti dapat berperanan sebagai sebuah organisasi yang berkualiti dan mencapai kejayaan.

Sumber : Unit Pembangunan Lestari